

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM PANTAU SITUASI BANJIR, SEDIA BANTUAN  
PEMBELAJARAN DAN KAUNSELING UNTUK MURID TERJEJAS**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian serius keprihatinan yang dizahirkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkaitan situasi banjir di beberapa buah negeri yang berkemungkinan menjejaskan sesi persekolahan.

Setakat 21 September 2024, status institusi pendidikan yang terkesan banjir adalah seperti berikut:

- i. Enam institusi pendidikan melibatkan lima sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah masih dilanda banjir di Kedah.
- ii. 36 institusi pendidikan masih dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) melibatkan 20 sekolah rendah dan 16 sekolah menengah (Kedah - 34; Pulau Pinang - 1; dan Perak - 1).
- iii. Seramai 1,056 orang murid KPM masih berada di PPS premis sekolah.
- iv. Perlis telah pulih sepenuhnya dengan semua PPS premis sekolah ditutup.

Merujuk kepada takwim kalendar akademik sesi 2024/2025, tarikh permulaan sesi persekolahan bagi Penggal 2, 2024/2025 adalah pada 22 September 2024 bagi negeri Kumpulan A dan 23 September 2024 bagi negeri Kumpulan B.

Institusi pendidikan bawah KPM yang terkesan banjir dan dijadikan PPS akan meneruskan pembelajaran menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) iaitu sama ada semua murid berada di rumah ataupun sebilangan murid tertentu melaksanakan PdPR. Pihak sekolah akan memaklumkan mengenai perkara ini kepada ibu bapa/penjaga murid yang terjejas.

Bagi murid yang berada di PPS premis sekolah, pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) telah menggerakkan *Smart Support Team* (SST) dan *Academic Support Team* (AST) untuk membantu murid dari aspek kaunseling dan pembelajaran.

KPM akan terus memantau situasi banjir, bersiap siaga dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan murid, guru dan seluruharganya.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
22 SEPTEMBER 2024**